

# Ekonomi Asia Tenggara perlu kekalkan keterbukaan

BERITA HARIAN 01 JUN 2025

m/s: 2

**Singapura:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan kepentingan untuk mengekalkan keterbukaan ekonomi di Asia Tenggara, sambil menyatakan ia sudah lama menjadi asas kepada kemakmuran serantau, kestabilan politik dan perpaduan.

Dalam Ucapan Khas beliau pada Dialog Shangri-La ke-22, di sini Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, keterbukaan ekonomi bukan sahaja sebagai laluan kepada pertumbuhan, malah menjadi kuasa penstabil dalam hubungan antarabangsa.

“Ia menjadi sumber keseimbangan sama ada di antara negara mahupun dalam negara itu sendiri bagi menangani isu mendesak seperti kemiskinan, ketaksaksamaan sosial atau jurang digital.

“Pasaran terbuka mewujudkan pendedahan bersama anta-

ra negara, yang menggalakkan tindakan berhati-hati, bukan konfrontasi,” kata beliau.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa gangguan terhadap keterbukaan ekonomi boleh menjejaskan keyakinan pelabur dan menjadikan aliran kewangan global tidak stabil.

Beliau berkata, kalangan pemimpin ASEAN menyuarakan kebimbangan terhadap ancaman yang semakin meningkat akibat tindakan unilateral, tarif tindak balas serta risiko perpecahan ekonomi global.

Kenyataan pemimpin ASEAN mengenai ketidaktentuan ekonomi dan perdagangan global turut mengesahkan komitmen rantau ini terhadap sistem perdagangan yang terbuka, boleh diramal dan berasaskan peraturan, bukan berikutan ia tindakan yang mudah, tetapi kerana ia penting untuk kelangsungan ekonomi nega-

ra-negara ASEAN.

Anwar turut menegaskan bahawa, bagi ekonomi yang terbuka dan berorientasikan eksport seperti Malaysia, sebarang perpecahan dalam perdagangan boleh mengakibatkan peningkatan kos, daya tahan yang lebih rendah dan pelaburan merosot.

“Ketidaktentuan mata wang dan pengaliran keluar pelabur tidak mengira sempadan. Gangguan dalam tenaga, makanan atau bahan mineral kritikal akan memberi kesan yang menular dengan cepat kepada masyarakat,” katanya.

Dialog Shangri-La, satu persidangan utama pertahanan dan keselamatan di rantau Asia-Pasifik, membabitkan penyertaan 47 negara termasuk 40 delegasi bertaraf menteri, 20 ketua angkatan tentera, lebih 20 pegawai kanan pertahanan serta ahli akademik terkemuka dari selu-

ruh rantau ini.

Selain itu, Anwar menegaskan komitmen Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 untuk mempertahankan kepaksian ASEAN dan menggalakkan pendirian berkecualinya secara aktif.

Beliau memberi amaran terhadap kebiasaan baharu yang bukan sahaja menjejaskan cara diplomasi dilihat, tetapi juga bagaimana keselamatan dibentuk yang membawa risiko memecahkan kerangka serantau dan menjejaskan autonomi strategik Asia Tenggara.

“Memelihara autonomi kami bukan bermaksud menentang pihak lain, tetapi memperkukuh kekuatan sendiri. Inilah inti pati Kepaksian ASEAN.

“Kami tidak menolak rakan sehaluan berbincang sesama mereka, namun pakatan yang membina tembok dan bukan jambatan, mencetuskan persai-

ngan senjata, atau menjejaskan kesahan multilateralisme seharusnya membuatkan kami berhenti sejenak.

“Sebuah rantau yang stabil bukan rantau yang bersedia untuk konflik, tetapi yang berlandaskan keterbukaan, ketelusan dan kebiasaan yang membina kerjasama,” katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa Asia Tenggara tidak memerlukan satu lagi Perang Dingin, sebaliknya memerlukan satu keseimbangan yang menggalakkan kerjasama tanpa paksaan dan keseimbangan tanpa politik blok.

Anwar berkata, ASEAN dibina hasil konsensus selama beberapa dekad untuk menjamin kestabilan sebuah rantau yang keamanan dikekalkan, kebebasan dipertahankan dan keberkecualian dihormati.

BERNAMA